

29 AUG 1998

DPMM-Ekonomi

DPMM KEDAH SOKONG PERDANA MENTERI PULIH EKONOMI SECARA RADIKAL

ALOR SETAR, 29 Ogos (Bernama) -- Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) Kedah menyokong sepenuhnya tindakan yang diambil Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam usaha memulihkan ekonomi negara.

Yang Dipertuanya, Baharuddin Kassim berkata DPMM Kedah turut sependapat dengan Perdana Menteri bahawa kegawatan ekonomi yang dialami negara kini adalah akibat serangan spekulator mata wang bukannya kerana kelemahan kerajaan.

"Kami faham dan bersedia menghadapi kemungkinan ekonomi yang terhimpit ekoran prestasi Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi suku kedua tahun ini menguncup sehingga -6.8 peratus," katanya di sini, hari ini.

DPMM Kedah sanggup mencurahkan usaha, tenaga dan pengalaman untuk membantu kepimpinan Dr Mahathir dan kerajaan dalam usaha memulihkan kegawatan ekonomi, katanya.

"Usaha yang dilaksanakan Perdana Menteri, yang menerajui tindakan pemulihan ekonomi sewajarnya diberi sokongan," katanya.

Beliau berkata, pihak asing yang mempunyai pengetahuan cetek mengenai budaya dan usaha rakyat dalam negara seharusnya tidak mencampuri urusan negara ini.

Katanya, mereka hendaklah menghentikan segala dakwah dan kecaman terhadap negara ini kerana Malaysia sudah cukup berpengalaman dan matang untuk mengatasi masalah kegawatan ekonomi.

Di samping itu, katanya, segala usaha kerajaan mengekalkan penyertaan Bumiputera seperti yang digariskan dalam Dasar Ekonomi Baru (DEB) turut mendapat perhatian dan sokongan DPMM Kedah.

"Dasar itu perlu diteruskan walaupun keadaan ekonomi negara sedang dalam proses pemulihan," katanya.

Selaras dengan dasar itu, DPMM Kedah mahu penguasaan dan pengekalan hak Melayu diteruskan seperti yang wujud melalui Tabung Pemulihan Negara dalam Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN).

-- BERNAMA

MN RI